

GARIS PANDUAN KURIKULUM KELAB DOKTOR MUDA SEKOLAH MURID ORANG ASLI



Kementerian Kesihatan Malaysia



KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA

KANDUNGAN

Kata Alu-Aluan Pengarah Bahagian Pendidikan Kesihatan Kementerian Kesihatan Malaysia	3
Kata Alu-Aluan Pengarah Bahagian Kokurikulum dan Kesenian Kementerian Pendidikan Malaysia	4
Panduan Penggunaan Garis Panduan	5
Garis Panduan Kurikulum Kelab Doktor Muda		
i. Latar Belakang	6
ii. Rasional	6
iii. Matlamat	7
iv. Objektif	7
v. Kurikulum	8
vi. Peruntukan Akta / Surat Pekeliling Ikhtisas Berkaitan	8
vii. Pelan Pelaksanaan Kelab Doktor Muda Sekolah Murid Orang Asli	9
Jawatankuasa Penyediaan Garis Panduan Kurikulum Kelab Doktor Muda Sekolah Murid Orang Asli	11
Penghargaan	12

Kata Alu-Aluan
Pengarah Bahagian Pendidikan Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera

Saya merakamkan tahniah dan syabas kepada semua kerana telah berjaya menerbitkan Garis Panduan Kurikulum Kelab Doktor Muda Sekolah Murid Orang Asli (SMOA) dan seterusnya berjaya membina modul baru. Dengan pelaksanaan yang teratur dan berkesan, adalah diharapkan Kelab Doktor Muda ini dapat memenuhi hasrat kerajaan untuk melahirkan generasi muda yang peka kepada kesihatan dan mengamalkan cara hidup yang sihat.

Doktor Muda Sekolah Murid Orang Asli merupakan murid yang terlatih dengan pengetahuan dan kemahiran kesihatan dan mereka memainkan peranan sebagai “Pembimbing Rakan Sebaya” di sekolah.

Buku Garis Panduan Kurikulum Kelab Doktor Muda Sekolah Murid Orang Asli ini pula memberi panduan kepada Guru dalam mengendalikan aktiviti Kelab Doktor Muda dengan menggunakan Modul Latihan Kelab Doktor Muda Sekolah Murid Orang Asli dan bahan-bahan bantu mengajar yang sedia ada.

Adalah menjadi harapan saya agar pihak pengurusan Sekolah menjadikan Buku Garis Panduan Kurikulum Kelab Doktor Muda Sekolah Murid Orang Asli sebagai rujukan dan panduan dalam melaksanakan aktiviti Kelab Doktor Muda Sekolah Murid Orang Asli kepada rakan sebaya.

Selamat Maju Jaya.

PUAN SURAIYA SYED MOHAMED
Pengarah
Bahagian Pendidikan Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia

Kata Alu-Aluan
Pengarah Bahagian Kokurikulum dan Kesenian
Kementerian Pendidikan Malaysia

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera

Saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Kementerian Kesihatan Malaysia dengan usaha bersama atas penerbitan Buku Garis Panduan Kurikulum Kelab Doktor Muda Sekolah Murid Orang Asli. Matlamat Kelab Doktor Muda ini diperkenalkan adalah untuk memperkasakan murid orang asli dengan pengetahuan dan kemahiran tentang kesihatan agar mereka dapat meningkatkan taraf kesihatan diri di samping dapat membimbing rakan sebaya, komuniti sekolah dan ahli keluarga.

Buku Garis Panduan Kurikulum Kelab Doktor Muda Sekolah Murid Orang Asli ini adalah panduan kepada Guru Penasihat dalam memastikan aktiviti Kelab Doktor Muda dapat dijalankan secara terancang dan menepati kurikulum yang perlu diajar bagi melahirkan murid yang sihat dan berjaya. Maka adalah wajar Guru Penasihat menjadikan buku ini sebagai rujukan utama dalam mengendalikan Kelab Doktor Muda di sekolah.

Penggunaan buku ini di sekolah yang mempunyai Kelab Doktor Muda Sekolah Murid Orang Asli akan membantu Kementerian Pendidikan Malaysia dan Kementerian Kesihatan Malaysia membuat pemantauan, penilaian, penambahbaikan pelaksanaan aktiviti dari semasa ke semasa. Ini adalah penting bagi menjamin keberkesanan pelaksanaan Kelab Doktor Muda di sekolah.

Saya berharap ianya akan digunakan sepenuhnya bagi memastikan pelaksanaan pengurusan kelab ini berjalan dengan sistematik dan melahirkan murid yang cemerlang akademik dan kokurikulum.

Sekian, terima kasih.

PUAN ROZAINUM BT AHMAD
Pengarah
Bahagian Kokurikulum dan Kesenian
Kementerian Pendidikan Malaysia

PANDUAN PENGGUNAAN GARIS PANDUAN

1. Garis panduan ini merupakan bahan rujukan kepada guru dalam mengembangkan amalan dalam aktiviti Kelab Doktor Muda Sekolah Murid Orang Asli.
2. Garis panduan ini mengandungi sebahagian Pelan Pelaksanaan Kelab Doktor Muda Sekolah Murid Orang Asli.
3. Garis Panduan ini menggariskan aktiviti Kelab bagi tempoh pelaksanaan dalam setahun.
4. Dokumen sokongan dalam melaksanakan aktiviti Kelab Doktor Muda Sekolah Murid Orang Asli adalah seperti berikut:-
 - i. Modul Latihan Kelab Doktor Muda Sekolah Murid Orang Asli Edisi Pertama, 2018
 - ii. Bahan Bantu Mengajar

KELAB DOKTOR MUDA

LATAR BELAKANG

Kelab Doktor Muda Sekolah Murid Orang Asli ialah satu program mempromosikan aspek kesihatan secara menyeluruh. Semua maklumat asas kesihatan tersebut akan disampaikan melalui modul yang terancang merangkumi kefahaman, kemahiran serta pengalaman murid. Matlamat kelab ini adalah untuk melahirkan murid yang mengutamakan kesihatan dan berperanan sebagai agen mempromosikan kesihatan yang baik kepada rakan sebaya, sekolah, ahli keluarga serta masyarakat.

Doktor Muda adalah sekumpulan murid yang dipilih berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan. Murid ini kemudian dilatih dari segi pengetahuan dan kemahiran dalam beberapa aspek kesihatan yang relevan berdasarkan kepada Modul Latihan Kelab Doktor Muda Sekolah Murid Orang Asli. Seterusnya murid ini akan bertindak sebagai pembimbing rakan sebaya atau agen perubahan pengetahuan, sikap dan amalan kesihatan.

Penubuhan kelab ini merupakan hasil perkongsian bijak antara Kementerian Kesihatan Malaysia dan Kementerian Pendidikan Malaysia.

RASIONAL

Penubuhan Kelab Doktor Muda Sekolah Murid Orang Asli ini menepati konsep *healthy setting* yang diperkenalkan bagi tujuan mempertingkatkan pengetahuan dalam aspek kesihatan dan mengamalkan cara hidup sihat.

MATLAMAT

Penubuhan Kelab Doktor Muda Sekolah Murid Orang Asli ini mempunyai matlamat untuk memperkasakan murid dengan pengetahuan dan kemahiran kesihatan supaya mereka dapat meningkatkan taraf kesihatan diri sendiri dan perkongsian dengan rakan mereka.

OBJEKTIF

1. Melahirkan murid yang berwawasan serta modal insan yang diimpikan oleh Negara.
2. Membolehkan murid membantu diri sendiri, rakan dan anggota keluarga ke arah mengamalkan cara hidup sihat.
3. Membolehkan murid menjadi pembimbing dan contoh (*role model*) ke arah amalan cara hidup sihat.
4. Membolehkan murid membantu anggota kesihatan dan pihak sekolah dalam menjalankan aktiviti kesihatan di sekolah.
5. Memperkukuhkan penglibatan guru serta warga sekolah dalam usaha meningkatkan kesihatan murid.
6. Menggalakkan ibu bapa / penjaga supaya memberi perhatian wajar kepada kesihatan murid.
7. Mempertingkatkan usahasama antara Kementerian Kesihatan Malaysia dengan Kementerian Pendidikan Malaysia untuk menggalakkan amalan kesihatan yang baik dalam kalangan murid.

KURIKULUM

Kurikulum Kelab Doktor Muda Sekolah Murid Orang Asli berpandukan Modul Latihan Kelab Doktor Muda Sekolah Rendah yang diterbitkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia tahun 2013 yang merangkumi skop seperti berikut:

1. Doktor Muda
2. Amalan Makan Secara Sihat dan Selamat
3. Aktiviti Fizikal
4. Persediaan Ke Alam Remaja
5. Rawatan Ringan
6. Pengurusan Diri
7. Kenali Ubat Anda
8. Kebersihan Persekitaran
9. IMFree

PERUNTUKAN AKTA / SURAT PEKELILING IKHTISAS BERKAITAN

- | | |
|--|--|
| 1. Surat Pekeliling Ikhtisas Bil 1 / 1985 | Jawatankuasa Bimbingan Pelajar Sekolah. |
| 2. Surat Pekeliling Ikhtisas Bil 2 / 1986 | Rekod Kedatangan dan Laporan Gerak Kerja Kokurikulum Pelajar. |
| 3. Surat Pekeliling Ikhtisas Bil 8 / 1988 | Keselamatan diri pelajar di sekolah. |
| 4. Surat Pekeliling Ikhtisas Bil 1 / 1991 | Penceramah jemputan untuk majlis dan aktiviti Agama Islam di sekolah. |
| 5. Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 3 / 1997 | Program dan aktiviti sekolah yang melibatkan dasar dan atau pungutan wang. |
| 6. Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.12 / 2000 | Lawatan Pendidikan Murid di hari persekolahan. |
| 7. Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 2 / 2000 | Lawatan sekolah pada hari persekolahan. |
| 8. Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 25/1998 | Aktiviti Pendidikan Jasmani di Sekolah |
| 9. Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 8 / 2011 | Pengurusan Keselamatan Murid di Sekolah |

PELAN PELAKSANAAN KELAB DOKTOR MUDA SEKOLAH MURID ORANG ASLI

Perjumpaan	Tajuk / Aktiviti	Isi Kandungan		Aktiviti	Catatan
		Modul Latihan	Kit Latihan (Slaid)		
1	Mesyuarat Agung			1. Pelantikan AJK 2. Nyanyian Lagu Kelab Doktor Muda 3. Ikrar Doktor Muda	
2	Doktor Muda	Modul Latihan	1. Buku Catatan Aktiviti 2. Video Saya Doktor Muda 3. Video Lagu Kelab Doktor Muda	1. Nyanyian Lagu Kelab 2. Pengucapan Awam	
3	Amalan Makan Sihat dan Selamat	Modul Latihan	1. Poster Piramid Makanan 2. Bungkus Makanan	1. Lawatan ke Kantin 2. Demonstrasi	
4	Aktiviti Fizikal	Modul Latihan	1. Tali Skipping 2. Video Senamrobik	1. Demonstrasi Lompat Tali dan Senamrobik	
5	Persediaan Ke Alam Remaja	Modul Latihan	1. Video Perkembangan Remaja	1. Tayangan Video 2. Perkongsian Ilmu	
6	Rawatan Ringan	Modul Latihan	1. Kotak Kecemasan	1. Demonstrasi 2. Simulasi Kecemasan	
7	Pengurusan Diri	Modul Latihan	1. Pengetip Kuku 2. Sabun Cuci Tangan 3. Kad 7 Serangkai 4. Ubat dan Berus Gigi 5. Kad Kilauan Sihat 6. Sabun Mandi 7. Syampu	1. Demonstrasi memotong kuku / mencuci tangan/ gosok gigi / pemeriksaan mata	

Perjumpaan	Tajuk / Aktiviti	Isi Kandungan		Aktiviti	Catatan
		Modul Latihan	Kit Latihan (Slaid)		
			8. Carta Selak Mandi 9. Flash Card Bahan Maujud 10. Snellen Card		
8	Kenali Ubat Anda	Modul Latihan	1. Jigsaw Puzzle Ubat 2. Kotak Kecemasan	1. Demonstrasi penyimpanan ubat / penggunaan ubat	
9	Kebersihan Persekitaran	Modul Latihan	1. Video Kebersihan Bilik Darjah 2. Bahan Maujud	1. Tayangan Video	
10	IMFree	Modul Latihan	1. Video Animasi	1. Tayangan video	
11	Perbincangan Pelaksanaan Projek Khas	Modul Latihan			
12	Perbincangan Pelaksanaan Projek Khas	Modul Latihan			

Projek Khas / Inovasi

1. Pelaksanaan projek khas / inovasi bagi aktiviti Kelab Doktor Muda Orang Asli perlu dikendalikan sama ada secara individu atau berkumpulan.
2. Projek khas / inovasi merupakan aktiviti yang dirancang berdasarkan keperluan dan kehendak sekolah.
3. Setiap projek khas / inovasi hendaklah dirancang, dipantau dan dinilai keberkesannya kepada rakan sebaya.
4. Sekolah dicadang untuk melaksanakan projek khas / inovasi pada setiap tahun dan laporannya didokumenkan.
5. Sekolah bebas untuk memilih topik projek khas / inovasi.

JAWATANKUASA PENYEDIAAN GARIS PANDUAN KURIKULUM KELAB DOKTOR MUDA SEKOLAH MURID ORANG ASLI

Penasihat

Pengarah
Bahagian Pendidikan Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia

Ahli-ahli :

- | | |
|--|--|
| 1. Pn. Noorhayati Bt. Kassim | Bahagian Pendidikan Kesihatan, Kementerian Kesihatan Malaysia |
| 2. En. Mohd Razif B. Zakaria | Bahagian Pendidikan Kesihatan, Kementerian Kesihatan Malaysia |
| 3. Pn. Kamarul Huda Bt. Kamaruddin | Bahagian Pendidikan Kesihatan, Kementerian Kesihatan Malaysia |
| 4. Cik Aimi Nadiah Bt. Mohamad Norzlen | Bahagian Pendidikan Kesihatan, Kementerian Kesihatan Malaysia |
| 5. En. Hairullida B. Suhaili | Jabatan Kesihatan Negeri Perak |
| 6. En. Roslan B. Shaarip | Bahagian Kokurikulum dan Kesenian, Kementerian Pendidikan Malaysia |
| 7. Pn. Nor Azizah Bt. Yahya | SK Seri Iskandar , Perak |
| 8. Pn. Tuty Rahayu Bt. Abu Bakar | SK Chenderong Kelubi, Tg. Tualang, Perak |

PENGHARGAAN

Ucapan penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menyediakan Garis Panduan Kurikulum Kelab Doktor Muda Sekolah Murid Orang Asli ini, khususnya :

- Bahagian Sekolah, Kementerian Pelajaran Malaysia
- Bahagian Pendidikan Kesihatan, Kementerian Kesihatan Malaysia
- Bahagian Kokurikulum dan Kesenian, Kementerian Pendidikan Malaysia